



HUTAN BAKAU

KUALA GULA, PERAK

This poster is a promotional material for the mangrove forest in Kuala Gula, Perak. It features three circular inset images at the top: a view of a mangrove forest along a riverbank, a close-up of a hand holding a small, dried, reddish-brown object (possibly a piece of coral or a shell), and a view of a floating village or fishing community on stilts over water.

Kuala Gula terletak di utara Hutan Simpan Matang dan terletak di dalam daerah Kerian, Perak. Kawasan Kuala Gula berukuran 6,870.36 hektar. Ini termasuklah dua Bagan Cina - Perkampungan Cina Kuala Gula dan Seberang Jeti, satu perkampungan Melayu - PSKT Kuala Gula dan dua estate kelapa sawit - Ladang Gula dan Ladang Chersonese. Mengikut rekod yang ada, penempatan di Kuala Gula dikatakan bermula dengan 3 keluarga Cina dan 2 keluarga Melayu sejak 70 tahun yang lalu di suatu kawasan yang dikenali sebagai Teluk Rubiah.

Ekosistem hutan bakau Kuala Gula, Perak merangkumi pelbagai habitat iaitu sungai dan kuala sungai, pulau-pulau bakau dan hutan paya bakau pesisir pantai. Ia adalah suatu kawasan yang penting untuk perikanan dan menyokong sumber pendapatan kepada masyarakat tempatan.

Hampir 35% daripada penduduk Kuala Gula dan kawasan persekitarannya terlibat secara langsung dalam industri perikanan iaitu penangkapan ikan dan udang penternakan kerang serta mengusahakan industri memproses ikan dan udang kering dan membuat belacan.



Maka usaha-usaha pemuliharaan dan penjagaan kawasan hutan paya bakau Kuala Gula mempunyai kepentingan ekonomi dan sosial di peringkat tempatan, daerah, negeri dan juga kebangsaan.

Dataran lumpur dan kawasan paya hutan bakau di Kuala Gula juga merupakan tempat laluan dan persinggahan burung-burung yang berhijrah.

Kuala Gula juga telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada 10 kawasan ekopelancongan di dalam negeri Perak yang berdaya maju.

Kedudukan strategik Kuala Gula iaitu di antara kawasan perindustrian di utara Semenanjung (Pulau Pinang) dan koridor Lebuhraya Utara-Selatan menghubungkan destinasi pelancongan dalam negeri seperti Bukit Merah, Taiping dan Ipoh.

